



**BAHAGIAN PELESENAN
MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN
PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN**

**BAHAGIAN PELESENAN
MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU,
MENARA MBKT,
NO 1. JALAN WARISAN TANJUNG 1,
20000 KUALA TERENGGANU**

TEL : 09-612 1111

EMEL : jkpersekitaran@gmail.com

LAMAN SESAWANG : www.mbkt.gov.my

TERBITAN 15 Ogos 2023 (BIL.1/2023)

1. OBJEKTIF GARIS PANDUAN

Garis panduan ini menerangkan mengenai tatacara untuk mendapatkan lesen premis perniagaan dan iklan bagi menjalankan aktiviti perniagaan atau perusahaan sebagaimana yang terkandung dalam Akta 171 serta Undang-Undang Kecil Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

2. OBJEKTIF PELESENAN

Untuk mengawal dan memastikan semua aktiviti perniagaan dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Kuala Terengganu adalah berlesen serta mematuhi undang-undang yang telah diperuntukkan agar aktiviti perniagaan beroperasi dalam keadaan selamat, harmoni dan bersih.

3. SKOP PELESENAN

Mana-mana aktiviti perniagaan/ perkhidmatan/ perusahaan yang dijalankan di dalam premis dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Kuala Terengganu sebagaimana berikut: (Senarai terperinci boleh rujuk pada jadual di Bil. 15.3- muka surat 28)

- 3.1 Perniagaan tred
- 3.2 Perindustrian
- 3.3 Establisymen Makanan(perniagaan berkaitan makanan)
- 3.4 Hotel / Rumah Tumpangan
- 3.5 Kedai Gunting Rambut
- 3.6 Pelbagai (apa-apa aktiviti yang tidak disebut dalam jadual Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian MBKT 2013)

4. ASAS PERUNDANGAN

Semua aktiviti perniagaan/ perkhidmatan/ perusahaan yang dilesenkan adalah berdasarkan pada Undang-Undang Kecil yang diwartakan bagi digunapakai oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu sebagaimana berikut:

- 4.1 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- 4.2 Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian MBKT 2013
- 4.3 Undang-Undang Kecil Establisymen Makanan MBKT 1991
- 4.4 Undang-Undang Kecil Iklan MBKT 1982
- 4.5 Undang-Undang Kedai Gunting / Pendandan Rambut MBKT 1981
- 4.6 Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan MBKT 1985
- 4.7 *Boarding House Enactment 1948*

5. PENGECUALIAN LESEN

Garis panduan ini terpakai bagi semua jenis aktiviti perniagaan/ perusahaan/ perkhidmatan yang mendapat pengecualian dari pihak kerajaan :

- 5.1 Pengecualian lesen perniagaan bagi golongan profesional yang dikawal di bawah akta masing-masing seperti arkitek, jurutera, peguam, doktor, juruukur tanah dan perancang.

6. PEMBEKUAN LESEN




Aktiviti yang dibekukan adalah ditentukan berdasarkan kepada dasar-dasar Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Aktiviti perniagaan yang dibekukan adalah sebagaimana berikut:






- 6.1 Pusat siber kafe
- 6.2 Barang lusuh / besi buruk
- 6.3 Rokok Elektronik/ Vape
- 6.4 Pinjaman Wang Berlesen
- 6.5 Sport Toto, Empat Nombor Ekor dan seumpamanya

7. SYARAT ASAS PERMOHONAN

Permohonan lesen perniagaan & iklan boleh dibuat oleh pemilik syarikat sebelum sebarang aktiviti perniagaan dijalankan di premis dengan syarat menyediakan semua dokumen asas permohonan serta dokumen teknikal sokongan yang berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan.

7.1 Lapan (8) Dokumen Asas Permohonan (wajib disediakan) :

Bil	Perkara	Catatan	Contoh
1.	Satu Salinan Memorandum dan Perkara Persatuan bagi Syarikat (Memorandum and Articles Of Association). Borang 24 (Return Of Allotment Of Shares dan Borang 49(Return Giving Particulars in Register of Directors Managers and Secretaries And Changes of Particular) Akta Pendaftaran Syarikat 1965 Atau Satu salinan Borang A (Pendaftaran Perniagaan) atau Borang B (Pendaftaran Perubahan Dalam Perniagaan) dan Borang D (Perakuan Pendaftaran Perniagaan) mengikut Ordinan Pendaftaran Perniagaan 1956 atau satu salinan Pendaftaran Koperasi.	1 salinan	
2.	Salinan Kad pengenalan Pemohon	1 keping	
3.	Gambar berwarna berukuran pasport (bagi permohonan individu)	2 keping	

4.	Salinan surat perjanjian penyewaan atau surat kebenaran tuan bangunan / tuan tanah atau surat kelulusan penyewaan dari Bahagian Pengurusan Harta (premis Majlis)	1 salinan	
5.	Lakaran pelan lokasi dan 1 keping gambar premis (pandangan keseluruhan bangunan)	1 salinan	
6.	<p>Salinan Sijil Akuan Kelayakan Menduduki Bangunan (SAKMB) / Sijil Perakuan Siap Dan pematuhan (CCC) / Permit Sementara / Surat Kelulusan Pindaan Bangunan / Kelulusan Ubah Kegunaan yang telah diluluskan oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu</p> <p>Dan/ Atau</p> <p>Salinan Resit Taksiran atau surat pengesahan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Majlis Bandaraya Kuala Terengganu mengenai status cukai taksiran.</p>	1 salinan setiap perkara	
7.	Surat wakil dan salinan kad pengenalan wakil pemohon lesen (jika berkaitan)	1 salinan	
8.	<p>Lakaran/ visual papan iklan Penggunaan Bahasa Malaysia dan Tulisan Jawi adalah diwajibkan</p> <p>Dan</p> <p>Penggunaan tulisan jawi hendaklah terbesar dan teratas dari lain-lain bahasa. -Pengesahan Dewan Bahasa dan Pustaka adalah diutamakan). -Penggunaan kalimah 'Allah' dan</p>	2 keping contoh bagi setiap iklan	

	'Muhammad' tidak dibenarkan sama sekali.		
--	--	--	--

8.0 DOKUMEN TAMBAHAN MENGIKUT JENIS AKTIVITI

Pemohon dikehendaki untuk mengemukakan **1 salinan** dokumen sokongan berdasarkan aktiviti perniagaan yang dijalankan sebagaimana berikut:

BIL	AKTIVITI	SOKONGAN YANG DIPERLUKAN
1.	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	a) Kementerian Dalam Negeri.
2.	Pusat Terapi/ Refleksologi atau Bekam/ Pusat Rawatan Kecantikan (SPA) / Akupunktur/ Pusat Homopati/ Pusat Perubatan Tradisional	a) Bahagian Perkhidmatan Farmasi (jika berkaitan) b) Sijil Pengamal dari Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari c) Surat kelulusan ubahguna bangunan (jika berkaitan) d) Jabatan Bomba dan Penyelamat
3.	Agensi Profesional (Juruukur, peguam, klinik swasta, klinik pergigian)	a) Salinan sijil badan pengamal profesional b) Salinan pendaftaran dengan agensi/ kementerian berkaitan sebagai pengamal professional
4.	Kedai Dobi	a) Lesen dari Suruhanjaya Tenaga Malaysia (pemasangan gas) b) Salinan pendaftaran dengan agensi/ kementerian berkaitan sebagai pengamal professional
5.	Hemodialisis	a) Pendaftaran kebenaran beroperasi dari Kementerian Kesihatan Malaysia b) Salinan lesen penubuhan syarikat sebagai penyedia perkhidmatan hemodialisis
6.	Hotel / Rumah Tumpangan/ Homestay/ Kampungstay/ Asrama	a) Surat Kelulusan Ubah Kegunaan /Tambahan Bangunan kepada hotel/ rumah tumpangan/ homestay/ kampungstay/ asrama daripada Jabatan Kawalan Bangunan (jika berkaitan).
7.	Kedai mencuci kenderaan	a) Surat Kelulusan Ubah Kegunaan/ Tambahan

		Bangunan kepada kedai mencuci kenderaan daripada Jabatan Kawalan Bangunan (jika berkaitan).
8.	Kedai Menjual Ubat / Farmasi	a) Sokongan Bahagian Perkhidmatan Farmasi/ pendaftaran dari Kementerian Kesihatan Malaysia b) Perakuan Pendaftaran Ahli Farmasi
9.	Kolam Renang Persendirian/ Pusat Renang Persendirian / Pusat Rekreasi Persendirian	a) Sokongan Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri b) Salinan sijil professional/ pendaftaran sebagai pengajar c) Sokongan daripada Jabatan Perairan dan Saliran (jika berkaitan) d) Sokongan daripada Jabatan Kesihatan Daerah Kuala Terengganu
10.	Menjual /Pemborong Liquor	a) Kelulusan dari Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (SUK)
11.	Simpan / Jual Besi atau Barang lusuh	a) Kebenaran daripada Jabatan Perancangan Bandar (jika berkaitan) b) Sokongan Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri. c) Polis Diraja Malaysia (Lesen menjual barang lusuh)
12.	Pembekal peralatan keselamatan/ uniform Polis Diraja Malaysia (PDRM)	a) Sokongan dari Polis Diraja Malaysia (jika berkaitan)
13.	Peminjam Wang Berlesen dan Pajak Gadaai	a) Pendaftaran dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
14.	Pertukaran Wang / Pengurup Wang	a) Berdaftar dengan Bank Negara Malaysia.
15.	Perkhidmatan Percetakan	a) Kementerian Dalam Negeri (lesen percetakan)
16.	Perusahaan Makanan / Restoran / Kedai Kek dan Pastri	a) Bukti pemasangan perangkap minyak (grease trap) bagi yang melibatkan aktiviti memproses makanan.
17.	Pusat Latihan Memandu	a) Jabatan Pengangkutan Jalan
18.	Pusat Tuisyen / Sekolah Persendirian / swasta / institut pengajian tinggi swasta	a) Pendaftaran dengan Jabatan Pendidikan Negeri / Kementerian Pengajian Tinggi b) Jabatan Bomba dan Penyelamat c) Surat Kelulusan Ubahguna/

		Tambahan daripada Jabatan Kawalan Bangunan, MBKT
19.	Institut pengajian lain	a) Perakuan Pendaftaran yang berkaitan
20.	Pusat Latihan Kemahiran	a) Perakuan Pendaftaran dari Jabatan Pembangunan Kemahiran
21.	Tadika	a) Pendaftaran dengan Jabatan Pendidikan b) Negeri Terengganu c) Pindaan ubahguna bangunan dari Jabatan Kawalan Bangunan. d) Sokongan Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri.
22.	Taman Tema Air	a) Surat kebenaran daripada Jabatan Perancangan Bandar b) Salinan sijil professional/ pendaftaran sebagai penyelamat c) Sokongan Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri.
23.	Taska	a) Pendaftaran dari Jabatan Kebajikan Masyarakat b) Pindaan ubahguna bangunan dari Jabatan Kawalan Bangunan. c) Sokongan Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri.
24.	Kerja-kerja Kimpalan	a) Jabatan Bomba dan Penyelamat b) Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan c) Jabatan Alam Sekitar
25.	Alat ganti terpakai (kenderaan terpakai)	a) Polis Daerah Kuala Terengganu
26.	Kuari	a) Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Terengganu b) Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) c) Jabatan Bomba dan Penyelamat d) Kelulusan bangunan dari Jabatan Kawalan Bangunan e) Jabatan Alam Sekitar f) Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
27.	Jualan padi/ beras	a) Padiberas Nasional Berhad (BERNAS)
28.	Perkilangan	a) Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Terengganu b) Unit Perancang Ekonomi


		<p>Negeri (UPEN)</p> <p>c) Jabatan Bomba dan Penyelamat</p> <p>d) Kelulusan bangunan dari Jabatan Kawalan Bangunan</p> <p>e) Jabatan Alam Sekitar</p> <p>f) Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan</p>
29.	Aktiviti air/ alat rekreasi	a) Perakuan Jurulatih Profesional/ Alat Rekreasi
30.	Pawagam	<p>a) Kelulusan pihak berkuasa negeri</p> <p>b) Jabatan Bomba dan Penyelamat</p> <p>c) Pindaan ubahguna bangunan dari Jabatan Kawalan Bangunan.</p> <p>d) Pejabat Agama Daerah</p>
31.	Boling	<p>a) Kelulusan pihak berkuasa negeri</p> <p>b) Jabatan Bomba dan Penyelamat</p> <p>c) Pindaan ubahguna bangunan dari</p> <p>d) Jabatan Kawalan Bangunan.</p> <p>e) Pejabat Agama Daerah</p>
32.	Makmal ujikaji/ ujian darah	a) Perakuan pendaftaran Kementerian Kesihatan Malaysia
33.	Bahan kimia makmal	<p>a) Bahagian Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia</p> <p>b) Jabatan Bomba dan Penyelamat</p>
34.	Simpan/ jual sedut pasir	a) Jabatan Pengairan dan Saliran
35.	Simpan /jual senjata api/ peluru/ bahan letupan/ mercun	<p>a) Ibu Pejabat Polis</p> <p>b) Jabatan Bomba dan Penyelamat</p>
36.	Buat/ baiki bot/ limbungan	<p>a) Jabatan Pengairan dan Saliran</p> <p>b) Jabatan Bomba dan Penyelamat</p> <p>c) Pejabat Tanah dan Daerah</p>
37.	Buat / baiki gigi palsu	a) Pengesahan pendaftaran dari Kementerian Kesihatan Malaysia
38.	Pusat penjagaan OKU/ Orang tua	a) Jabatan Bomba dan Penyelamat
39.	Memanah/ lapang sasaran	a) Ibu Pejabat Polis Daerah

9.0 KAEDAH PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN


9.1 Kaedah Permohonan

<p>Muat turun borang (untuk borang percuma sahaja)</p>	<p>Muat turun borang (Sumber- Jabatan Kesihatan Persekitaran) dalam laman web MBKT www.mbkt.gov.my dan serahkan borang permohonan yang lengkap beserta dokumen lampiran secara manual di kaunter setempat Bahagian Pelesenan, MBKT.</p>
<p>Manual (Borang permohonan boleh didapati di kaunter setempat Bahagian Pelesenan, MBKT dan borang permohonan yang lengkap diserahkan di kaunter berkenaan.</p>	<p>Kaunter Setempat, Aras Bawah Menara MBKT, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, 20000 Kuala Terengganu.</p> <p>Kaunter Bayaran, Pejabat MBKT Cawangan Kuala Nerus, Gong Badak</p> <p>Waktu Operasi Kaunter:</p> <p>Ahad - Rabu 8.00 pagi – 4.00 petang</p> <p>Khamis 8.00 pagi- 3.00 petang</p> <p>No.Tel :09-612 1111 Faks :09-612 1212</p> <p>E-mel : jkpersekitaran@gmail.com Laman sesawang : www.mbkt.gov.my</p>

10. CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN BERISIKO



11. CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN TIDAK BERISIKO



12. SYARAT PEMATUHAN SELEPAS KELULUSAN

SYARAT – SYARAT AM BAGI TRED PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

1. Lesen dan syarat – syarat lesen adalah sentiasa di pameran di dalam premis di tempat yang mudah dilihat.
2. Hendaklah menjaga dan menyelenggara tempat/premis supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih.
3. Hendaklah mengadakan tong sampah yang mencukupi.
4. Semua sampah sarap hendaklah diisi ke dalam karung plastik sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah.
5. Semua sampah sarap hendaklah dibuang dengan cara sebagaimana yang diarahkan oleh Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dari masa ke semasa.
6. Pemegang lesen tidak boleh menyebabkan bahan –bahan- kekotoran/bahan buangan dilonggokan , dilimpah, diserek ke dalam mana – mana longkang, tempat persendirian atau tempat awam.
7. Hendaklah mengadakan bekalan air paip dari bekalan air awam.
8. Hendaklah mengadakan dalam keadaan baik bilik mandi, tandas pam, tempat buang air kecil dan besen cuci tangan yang mencukupi sehingga memuaskan hati Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.
9. Hendaklah mengambil langkah untuk memastikan pencahayaan dan pengudaraan dalam premis mencukupi.
10. Hendaklah mengambil langkah yang mencukupi bagi memastikan keadaan penuh sesak tidak berlaku dalam premis.
11. Hendaklah menyediakan bilik mess, bilik salin pakaian, bilik rehat, kantin dan gerobak yang mencukupi bagi kemudahan pekerja-pekerja.
12. Hendaklah mengambil langkah pencegahan kebakaran secukupnya sebagaimana yang disyorkan oleh Jabatan Bomba.
13. Bahan/larutan yang mudah terbakar hendaklah disimpan didalam bekas bertudung tutup sendiri yang telah diluluskan oleh Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.
14. Hendaklah mengadakan stor yang tidak mudah terbakar bagi menyimpan pelarut, larutan bahan yang mempunyai takat kilat 43°C yang melebihi 45 liter.
15. Semua bahan hendaklah disimpan mengikut cara dan keadaan yang dapat mencegah keluaran bahan – bahan berbahaya dan mengganggu daripadanya.
16. Tidak boleh membakar bahan –bahan/sampah sarap /buangan melainkan mengikut cara dan di tempat yang diluluskan oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.
17. Tidak boleh menyebabkan penyebaran habuk, wap, haba gas, pancaran,bau, hiduan,

getaran, jelaga yang pada pendapat Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu adalah satu kacau ganggu/ mencemarkan udara di tempat/ premis yang dilesenkan.

18. Tidak boleh membuat/ menyebabkan apa-apa kacau ganggu.
19. Hendaklah mematuhi arahan yang di dikeluarkan dari masa ke semasa oleh Datuk Bandar berhubung waktu mengadakan perniagaan / perindustrian.
20. Majlis Bandaraya Kuala Terengganu boleh membatalkan lesen tanpa memberikan sebarang sebab dan Majlis boleh mengeluarkan syarat-syarat tambahan dari masa ke semasa.
21. Datuk Bandar / mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh memasuki dan memeriksa mana-mana tempat / premis yang digunakan bagi maksud apa-apa tred perniagaan dan perindustrian pada bila –bila masa.



**SYARAT – SYARAT AM BAGI ESTABLISYMEN MAKANAN
MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU**

1. Bangunan yang digunakan untuk menjalankan perniagaan kedai kopi/makan hendaklah direka bentuk bagi tujuan tersebut. Bangunan-bangunan selain daripada itu hendaklah mendapat kelulusan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.
2. Sijil kebenaran menduduki bagi bangunan tersebut hendaklah diperolehi terlebih dahulu dan bayaran cukai pintu hendaklah dijelaskan tiap-tiap tahun.
3. Bagi bangunan kekal/separuh kekal keseluruhan lantai bangunan hendaklah dipasang batu mozek manakala bagi bangunan sementara keseluruhan lantai bangunan tersebut hendaklah disimen konkrit yang memuaskan, kebersihan lantai hendaklah dijaga sepanjang masa dan dibasuh tiap-taip hari.
4. Bagi bangunan kekal/separuh kekal keseluruhan dinding bangunan hendaklah dipasang batu ubin sekurang-kurangnya 1.5 meter (5kaki) dikira dari paras lantai. bagi bangunan sementara dinding hendaklah diperbuat daripada bahan yang mudah dicuci. Kebersihan dinding hendaklah dijaga sepanjang masa.
5. Bangunan kedai hendaklah mempunyai siling dan hendaklah dicat baru serta dijaga kebersihan sepanjang masa.
6. Longkang-longkang hendaklah disediakan sekeliling bangunan bagi mengalirkan air dari bangunan kedai dengan aliran ke tempat yang sesuai.
7. Semua pengusaha Kedai Kopi/ Makan ,Restoran ,Kantin dan tempat- tempat penyediaan makanan dikehendaki memasang perangkap minyak/lemak dan gris (grease trap) pada sistem perlimbahan sebelum pengaliran terakhir ke longkang awam, air tadahan atau sungai dan hendaklah diselenggara/dibersihkan dengan sempurna setiap hari.
8. Kemudahan tandas yang mencukupi hendaklah disediakan , keseluruhan dinding tandas hendaklah dibata ubin hingga ke syiling. Kebersihan tandas hendaklah dijaga setiap masa.
9. Bangunan kedai hendaklah mempunyai ruang yang mencukupi untuk peredaran cahaya supaya terang dan peredaran udara yang selesa.
10. Kemudahan bekalan air bersih yang secukupnya hendaklah disediakan, air ini hendaklah dari air paip awam (JKR).
11. Hendaklah menyediakan sekurang-sekuranganya 2 buah mangkuk basuh tangan(wash hand basin) yang lengkap dengan paip air. Sebuah berdekatan dengan tandas/bilik mandi dan sebuah lagi di dewan makan, kebersihan mangkuk basuh tangan hendaklah sentiasa dijaga.
12. Hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya 2 buah tong sampah plastik berpenutup untuk mengumpul sampah-sarap. Tong-tong sampah untuk mengumpul sisa-sisa makanan hendaklah disediakan berasingan ,sisa-sisa makanan hendaklah dibubuh ke dalam beg plastik dan diikat.
13. Bekalan makanan hendaklah baik dan selamat serta mematuhi piawaian Akta Makanan.
14. Hendaklah mengadakan bekas-bekas yang tertutup atau almari-almari yang tidak boleh dimasuki oleh perosak untuk semua benda makanan masak dan hendaklah menjaga

supaya sentiasa bersih.

15. Hendaklah mengadakan meja-meja yang diperbuat daripada marmar atau kaca atau kayu tertutup plastik lapis (formica) dipermukaan atasnya. Kerusi meja hendaklah sentiasa bersih, kertas-kertas tisu hendaklah diletakkan di atas tiap-tiap meja makanan.
16. Dapur jenis gas atau letrik adalah digalakkan untuk memasak atau memanaskan makanan, dapur kayu api atau arang tidak boleh digunakan untuk memasak di dalam bangunan kedai.
17. Kemudahan untuk membasuh dan mencuci pinggan mangkuk iaitu sink dan sebagainya hendaklah disediakan secukupnya. Pinggan mangkuk dan lain-lain alat hendaklah disimpan di tempat bersih. Membasuh pinggan mangkuk dan sebagainya di kaki lima, lorong belakang, tepi atap di atas longkang adalah ditegah.
18. Semua pengurus dan pekerja menyediakan makanan / minuman hendaklah diaftarkan dengan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu sebelum dibenarkan bekerja, mereka ini hendaklah diperiksa dan disahkan kesihatannya oleh Pegawai Perubatan Kerajaan @ Swasta dan hendaklah di ulangi pemeriksaan kesihatan ini pada tiap-tiap tahun berikutnya.
19. Kad kesihatan yang di keluarkan oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, hendaklah sentiasa dipakai semasa mengendalikan / menyediakan makanan.
20. Semua pekerja menyediakan makanan / minuman tidak boleh berludah, membuang hingus di dalam kedai, tidak boleh menghisap rokok, memakan sireh dan sebagainya semasa menyediakan atau menghidangkan makanan / minuman. Semua pekerja hendaklah bersopan santun, berpakaian bersih, kemas dan sesuai.
21. Notis-notis kesihatan 'JANGAN BERLUDAH', 'JAGA KEBERSIHAN KEDAI' hendaklah dipamerkan di ruang makan kedai. Sesiapa pun tidak boleh berludah dan membuang hingus di dalam kedai.
22. Tindakan mengawal pembiakan tikus, lalat, lipas dan sebagainya didalam dan diluar kawasan sekeliling hendaklah sentiasa diambil.
23. Kebersihan peti sejuk hendaklah dijaga. Bahan makanan yang disimpan di dalam peti sejuk hendaklah di susun dengan teratur dan di asingkan mengikut jenis.
24. Sebuah stor yang sesuai hendaklah di sediakan untuk menyimpan barang-barang makanan dan lain-lain barang.
25. Sebuah stor yang sesuai hendaklah di sediakan untuk menyimpan botol-botol kosong dan sebagainya. Botol-botol kosong tidak boleh diletakkan di dewan makan, dapur atau di lorong belakang.
26. Tempat penyediaan makanan / minuman yang mencukupi hendaklah diadakan dan tempat ini hendaklah tidak kurang 60cm dari paras lantai dimana aliran keluaranya terus ke longkang.
27. Mana-mana bahagian dalam kedai kopi / makan tidak boleh digunakan untuk tempat kediaman. Sebarang permainan judi dan lain-lain permainan tidak dibenarkan.
28. Pinggan mangkuk, cawan, sudu dan sebagainya yang telah retak atau serpih tidak boleh digunakan.

29. Dilarang / ditegah menyimpan atau memelihara sebarang haiwan atau ternakan didalam mana-mana bahagian kedai kopi / makan.
30. Hendaklah menyediakan alat pemadam api yang di syor / disahkan oleh Pegawai Bomba yang secukupnya didalam kedai.
31. Syarat-syarat ini hendaklah dipamerkan bersekali dengan lesen kedai kopi / makan. Jika di dapati tidak menyempurnakan syarat-syarat pelesenan tersebut diatas pada bila-bila masa di sepanjang tahun, tindakan mengkompaun akan diambil.
32. Pelesen hendaklah mempamerkan tanda harga barang-barang yang dijual di kedai kopi / makan atau restoran.
33. Majlis Bandaraya Kuala Terengganu boleh membatalkan sesuatu lesen atau tidak mengeluarkan lesen tanpa memberi sebarang sebab.
34. Jika tidak mematuhi syarat-syarat, pelesen boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang diguna pakai oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.



**SYARAT – SYARAT PENGELUARAN DAN PEMBAHARUAN KEDAI GUNTING RAMBUT
DAN PENDANDAN RAMBUT
MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU**

1. Lesen dan syarat-syarat ini mestilah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.
2. Bangunan yang digunakan untuk menjalankan perniagaan gunting dan pendandan rambut hendaklah direka bentuk bagi tujuan tersebut dan mendapat kelulusan daripada Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.
3. Sijil kebenaran menduduki bagi bangunan tersebut hendaklah diperolehi terlebih dahulu dan bayaran cukai pintu hendaklah dijelaskan setiap tahun.
4. Semua sambungan atau tambahan yang hendak dibuat kepada bangunan premis hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.
5. Bangunan yang dilesenkan hendaklah diselenggarakan dalam keadaan baik dan bersih pada setiap masa. Mana-mana bahagian yang sudah buruk dan kotor hendaklah diperbaiki dan disapu cat.
6. Bangunan premis hendaklah disediakan dengan alat pemadam api jenis yang disyorkan dan disahkan oleh Pegawai Bomba Negeri Terengganu.
7. Bilik air, tandas dan besin mencuci tangan hendaklah dijaga kebersihannya setiap masa.
8. Pelesen hendaklah menyediakan tong-tong sampah bertutup dan disediakan dengan secukupnya.
9. Sekurang-kurangnya 2 buah bekas yang sesuai bagi menyimpan tuala-tuala kotor dan lain buangan tred hendaklah disediakan di premis ini.
10. Pelesen hendaklah menyediakan sebuah peti ubat yang lengkap dengan ubat-ubatnya.
11. Penggunaan bekalan air panas dan sejuk yang cukup hendaklah diadakan terus menerus semasa urusan perniagaan dijalankan.

KEHENDAK KEBERSIHAN DAN KESIHATAN BAGI PENDANDAN RAMBUT :

1. Setiap pendandan rambut hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan setahun sekali.
2. Sebelum melayan seseorang pelanggan setiap pendandan rambut hendaklah mencuci tangannya terlebih dahulu dengan menggunakan sabun dan air bersih dan bila perlu menggunakan berus kuku.
3. Semasa melayan seseorang pelanggan setiap pendandan rambut hendaklah memakai kot atau 'overall' yang bersih dan padan berwarna putih atau warna cerah diperbuat dari kain yang boleh dibasuh.
4. Setiap pendandan rambut hendaklah menentukan bahawa tuala muka pelindung, tuala leher dan fabrik-fabrik yang secara langsung menyentuh kulit seseorang pelanggan hendaklah sentiasa berkeadaan baru / bersih.
5. Pendandan hendaklah pastikan hanya sabun cecair atau krim cukuran atau serbuk

cukuran sahaja boleh digunakan bagi maksud mengemuarkan buih bagi mana-mana pelanggan yang mengkehendaki cukuran.

6. Tuala muka hendaklah direndamkan ke dalam air mendidih atau di asap selama 5 minit kemudian di basuh sebelum digunakan kepada pelanggan-pelanggan.
7. Setiap pendandan rambut yang didapati ada mengidap penyakit berjangkit atau menular atau apa-apa ruam atau letusan kulit adalah dilarang sama sekali bekerja di premis.
8. Tiada seseorang pun pendandan rambut boleh menyebabkan atau membantu apa-apa binatang masuk atau tinggal dalam premis ini.
9. Setiap pendandan rambut adalah dilarang menggunakan span atau puff bedak ke atas pelanggan.
10. Tiada seorang pun boleh meludah ke lantai atau dinding premis ini.

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN PENDANDAN KEDAI GUNTING RAMBUT (EKSKLUSIF) :

1. Papan tanda yang bertulis “ TIDAK DIBENARKAN MEREKA YANG BERUMUR 18 TAHUN KE BAWAH BERADA DALAM PREMIS INI ” hendaklah dipasang dalam premis di tempat yang mudah dilihat berhampiran kaunter.
2. Pelesen hendaklah memastikan bahawa mereka yang berumur 18 tahun ke bawah tidak dibenarkan berada di dalam premis ini.
3. Tidak dibenar menggunakan “ ONE WAY GLASS ” di premis ini.
4. Perniagaan hanya dibenarkan sehingga pukul 10.00 malam sahaja.

LAIN-LAIN SYARAT :

1. Semua kerja-kerja mendandan rambut hendaklah dijalankan di dalam ruang bilik yang terbuka sahaja. “ *Menjalankan kerja-kerja didalam bilik yang bertutup, berkunci dan bertirai adalah dilarang sama sekali* ”.
2. Pelesen hendaklah memastikan bahawa perniagaan yang dijalankan ini tidak menimbulkan sebarang kegiatan yang boleh disyaki dan dipercayai berbentuk pelacuran berlaku dalam premis ini.
3. Pelesen hendaklah mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mengelakkan dari berlakunya kacau ganggu di premis ini.
4. Lesen yang dikeluarkan oleh pihak Majlis hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat dalam premis pada setiap masa.
5. Lain-lain syarat yang dikenakan oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dari masa ke semasa.

**SYARAT-SYARAT LESEN BAGI HOTEL / RUMAH TUMPANGAN
MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU**

1. Lesen dan syarat-syarat ini mestilah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.
2. Satu buku daftar mengandungi butir-butir lengkap dan betul mengenai pelanggan seperti nama, no.kad pengenalan, umur, jantina, pekerjaan, alamat, tarikh sampai dan tarikh keluar hendaklah disediakan dan digunakan pada bila-bila masa.
3. Papan tanda menunjukkan arah kiblat hendaklah disediakan di sebelah atas setiap bilik (siling).
4. Meletakkan kitab Bible di dalam bilik bagi hotel / rumah tumpangan adalah dilarang sama sekali.
5. Kemudahan alatan pemadam api yang cukup hendaklah disediakan. Pelesen dinasihatkan sentiasa menghubungi pihak Jabatan Bomba Negeri Terengganu.
6. Pelesen hendaklah memastikan perbuatan sumbang seperti pelacuran, perjudian dan lain-lain tidak berlaku dalam bilik-bilik hotel atau rumah tumpangan.
7. Setiap bilik hotel / rumah tumpangan hendaklah disediakan sebuah bakul sampah dan beg plastik.
8. Kawasan lobby / lounge / ruang tamu hendaklah disediakan dengan tong sampah dan bekas-bekas habuk dan puntung rokok.
9. Semua bilik hotel / rumah tumpangan hendaklah terhindar dari sarang labah-labah, sawang sama ada pada kipas, lampu atau pun pada siling dan dinding.
10. Semua kain-kain cadar, selimut, sarung bantal hendaklah ditukar dan dicuci setiap hari. Barang-barang ini mestilah dalam keadaan bersih. Mana-mana koyak hendaklah ditampal atau diganti dengan yang baru.
11. Segala alatan elektrik dan tempat sambungan hendaklah dalam keadaan baik. Mana-mana rosak hendaklah dibaiki.
12. Pelesen hendaklah menentukan kebersihan tandas dan bilik mandi pada setiap masa. Segala alatan tandas dan bilik mandi yang rosak, lantai yang pecah, dinding yang retak dan lain-lain lagi hendaklah dibaiki.
13. Segala halangan pada tangga kecemasan hendaklah dihindarkan.
14. Bilik-bilik hotel / rumah tumpangan yang dilengkapi dengan alat pendingin udara, alatan ini hendaklah keadaan baik serta selamat digunakan.
15. Kebersihan keseluruhan bilik-bilik hotel / rumah tumpangan, bilik rehat, kaunter hendaklah dalam keadaan bersih dan kemas.
16. Semua pekerja hotel / rumah tumpangan hendaklah didaftarkan dengan Majlis dan mendapatkan pemeriksaan kesihatan setiap tahun. Nama dan gambar pekerja hendaklah dikemukakan apabila diminta pihak berkuasa Pelesenan / Polis.
17. Dilarang pelesen membenarkan mana-mana Pertubuhan Berdaftar mengadakan

mesyuarat di premis hotel tanpa kelulusan Majlis ini.

18. Pelesen adalah tertakluk dengan lain-lain syarat yang akan dikenakan dari masa ke semasa oleh Majlis ini.
19. Majlis boleh membatalkan lesen pada bila-bila masa tanpa memberi sebab.




**SYARAT-SYARAT PENGELUARAN LESEN MENYIMPAN PETROLEUM DAN STESEN
MENGISI / SERVIS
(STORING OF PETROLEUM & FILLING / SERVICE STATION)
MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU**

1. Lesen dan syarat – syarat pelesenan ini hendaklah dipamerkan ditempat yang senang dilihat.
2. Perniagaan menyimpan petroleum / stesen servis / mengisi hanya dibenarkan dijalankan di kawasan yang telah dirancang bagi tujuan tersebut dan telah diluluskan oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu atau Kerajaan Negeri.
3. Bangunan dan kawasan sekitarnya hendaklah dijaga dalam keadaan bersih dan sempurna sepanjang masa.
4. Mana – mana bangunan yang sudah rosak dan kotor hendaklah diperbaiki dan disapu cat / dikapur dibahagian luar dan dan dalam.
5. Kemudahan kebersihan seperti tandas, bilik air dan tempat membasuh tangan hendaklah disediakan dibangunan ini dan hendaklah sentiasa baik dan bersih setiap masa.
6. Kebersihan longkang premis hendaklah selalu dijaga dan keadaannya hendaklah sentiasa baik dan memuaskan pada setiap masa.
7. Beberapa buah ‘ Grease Trap ’ (Perangkap Minyak) hendaklah disediakan di bangunan ini dan hendaklah selalu dijaga dan berkeadaan baik pada bila – bila masa.
8. Menyediakan sekurang – kurangnya sebuah peti ubat kecemasan yang lengkap dengan ubat - ubatnya.
9. Menyediakan tong sampah yang mencukupi serta jenis yang telah diakui oleh Majlis.
10. Hendaklah menyediakan bilangan alat pemadam api yang mencukupi serta diakui baik dan disahkan oleh Pegawai Bomba Negeri. Pekerja –pekerja hendaklah tahu cara menggunakannya.
11. Menyediakan bekas – bekas khas bagi menyimpan minyak kotor dari perniagaan ini.
12. Menyediakan notis amaran bertanda JANGAN MEROKOK di bangunan ini bagi mengelakkan berlakunya kebakaran.
13. Disyorkan menanam pokok – pokok bunga dikawasan lapang bangunan bagi menambahkan kecantikan sekeliling kawasan bangunan.
14. Mengambil langkah – langkah yang sesuai, supaya sebarang pekerjaan yang dijalankan tidak menjadi kacauganggu atau halangan kepada orang ramai.
15. Menyempurnakan syarat – syarat pelesenan yang tersebut diatas di dalam tempoh 14 hari dari penerimaan notis ini serta mematuhi pada bila – bila masa sepanjang tahun.
16. Jika syarat – syarat yang tersebut diatas tidak dipatuhi atau tidak dan menjelaskan bayaran lesen dalam tempoh yang ditetapkan adalah menjadi kesalahan pihak Majlis boleh mengambil tindakan kompaun atau tindakan mahkamah.


**SYARAT-SYARAT PENGELUARAN LESEN
URUT KAKI / REFLEKSI/ PUSAT RAWATAN TRADISIONAL
MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU**

1. Semua premis yang dijadikan tempat urut hendaklah terbuka dan hanya dibenarkan menggunakan langsir untuk mengasingkan katil-katil yang digunakan untuk mengurut atau merawat, langsir tersebut tidak boleh melebihi 2 meter tinggi dari lantai.
2. Kerusi-kerusi refleksologi perlu diletakkan di tempat terbuka.
3. Pelesen hendaklah memastikan semua pekerja tukang urut berpakaian seragam.
4. Hanya tukang urut lelaki dibenarkan mengurut pelanggan lelaki manakala tukang urut wanita dikhaskan untuk pelanggan wanita sahaja.
5. Keseluruhan dalam premis hendaklah dicat dengan warna yang terang serta dibekalkan dengan pencahayaan yang mencukupi.
6. Semua pekerja perlu menjalani rawatan kesihatan dan mempunyai kad kesihatan MBKT.
7. Tukang urut refleksologi hendaklah berumur sekurang-kurangnya 21 tahun ke atas.
8. Jika menggunakan pekerja asing perlu mendapat visa yang berkaitan dari pihak berkuasa.
9. Premis hanya dibenarkan beroperasi dari jam 10.00 pagi sehingga jam 12.00 malam sahaja.
10. Tidak dibenarkan apa-apa makanan atau minuman memabukkan dihidang serta melakukan apa-apa kelakuan yang tidak bermoral di dalam premis urut.
11. Lain-lain syarat yang difikirkan perlu dari masa ke semasa.



SYARAT-SYARAT PEMASANGAN IKLAN/ IKLAN LUAR

1. Hadapan premis perniagaan milik pemohon/ syarikat dan tempat-tempat yang dibenarkan oleh Majlis untuk memasang iklan luar/ sementara.
2. Pemohon bertanggungjawab memastikan iklan/ iklan sementara dipamer atau dipasang dengan kemas, seragam dan teratur serta tidak mendatangkan kacau ganggu kepada orang awam.
3. Penggunaan bahasa/ gambar lucah dan visual yang tidak bermoral/ mendedahkan aurat adalah ditegah dan tidak dibenarkan sama sekali.
4. Penggunaan visual minuman yang memabukkan adalah tidak dibenarkan sama sekali kecuali pada premis non-muslim yang dilesenkan untuk jualan minuman yang memabukkan.
5. Mengemukakan Insurans Tanggungan Awam bagi setiap paparan yang melebihi saiz 100 kaki persegi.
6. Pemasangan iklan luar/ sementara juga dilarang dipasang di tiang berhampiran dengan lampu isyarat (sekurang-kurangnya perlu jarak 1 tiang dari lampu isyarat) dan berhampiran dengan persimpangan jalan yang boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya.
7. Permit hendaklah dipamerkan dengan melekatkan pelekat (sticker) yang sah oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.
8. Pihak Majlis berhak menurunkan iklan/ iklan luar sekiranya :
 - i) mengalami kerosakan
 - ii) lokasi pemasangan bertentangan dengan kelulusan permit
 - iii) visual yang dipamerkan tidak selari dengan kelulusan permit
 - iv) tamat tempoh permit



13.0 PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN & IKLAN

13.1 Syarat Pembaharuan Lesen

Pemilik lesen perlu memperbaharui lesen perniagaan & iklan yang telah dimiliki seawal 2 bulan sebelum tamat tempoh lesen iaitu bermula 1 November setiap tahun bagi mengelakkan lesen perniagaan & iklan yang dimiliki dibatalkan dan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan ke atas pemilik.

13.2 Kaedah Pembaharuan Lesen

Pemilik lesen boleh membuat pembaharuan lesen dengan cara mengemukakan dokumen berikut:

- a) Lesen perniagaan & iklan semasa milik pelesen semasa berurusan di kaunter.

13.3 Pembayaran pembaharuan lesen boleh dibuat dengan cara berikut:

- a) Melalui kaunter setempat Bahagian Pelesenan di Lobi Menara MBKT/ Kaunter Pejabat MBKT Cawangan Kuala Nerus/ Kaunter MBKT di tingkat 4, Kompleks UTC (Paya Bunga Square).
- b) Melalui MBKT Online – Epayment@MBKT

14.0 PIAGAM PELANGGAN

14.1 Bagi permohonan Lesen Berisiko akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan (bergantung kepada Mesyuarat Jawatankuasa Majlis).

14.2 Bagi permohonan Lesen Tidak Berisiko, keputusan akan diperolehi dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari tempoh permohonan di terima.

15.0 FI LESEN

15.1 Bayaran Asas Permohonan Lesen

BIL	ITEM	FI (RM)	KAEDAH PEMBAYARAN	BAYARAN
1.	Bayaran pembelian borang komposit bagi permohonan lesen Premis dan Iklan untuk Perniagaan Tred, Perindustrian, Establisymen Makanan, Lesen Penjaja serta Lesen Pasar	10.00	Tunai/ Kad kredit/Debit	Semasa mendapatkan borang
2.	Bayaran pembelian borang permohonan lesen iklan/ kain rentang/ bunting	Percuma		

3.	Bayaran proses permohonan lesen (Perniagaan Tred)	50.00	Tunai/ Kad kredit/Debit	Semasa menghantar permohonan
4.	Bayaran proses permohonan lesen (Perindustrian)	100.00	Tunai/ Kad kredit/Debit	Semasa menghantar permohonan
5.	Bayaran proses permohonan lesen (Perniagaan Establisymen Makanan, Penjaja dan Pasar)	10.00	Tunai/ Kad kredit/Debit	Semasa menghantar permohonan
6.	Fi lesen (kecuali badan profesional/ aktiviti dikecualikan dari dikenakan lesen perniagaan)	Ditetapkan mengikut jenis aktiviti * Jadual Kadar Bayaran Fi 15.3	Tunai/ Kad kredit/Debit	Selepas permohonan diluluskan
7.	Fi Iklan	Ditetapkan mengikut saiz papan iklan * Jadual Kadar Bayaran Fi 15.2	Tunai/ Kad kredit/Debit	Selepas Permohonan diluluskan


15.2 Bayaran Fi Iklan Premis

JADUAL KETIGA

(Undang-undang Kecil 7 dan 9)
MAJLIS PERBANDARAN KUALA TRENGGANU

<i>Ruang Pertama</i> <i>Jenis Iklan</i>	<i>Ruang Kedua</i> <i>Bayaran yang kena dibayar</i>	
	RM	sen
(i) Iklan tak bersinar:		
(a) Bagi tiap-tiap sembilan meter persegi atau kurang	50	00
(b) Bagi tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagian daripada satu meter persegi yang lebih daripada sembilan meter persegi diukur meliputi luas untuk pertunjukan iklan	5	00
Iklan bersinar:		
(a) Bagi tiap-tiap sembilan meter persegi atau kurang	80	00
(b) Bagi tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagian daripada sembilan meter persegi yang lebih daripada sembilan meter persegi diukur meliputi luas untuk pertunjukan iklan	8	00
(ii) Jika sokong permukaannya lebih daripada ruangan yang digunakan untuk menunjukkan iklan, bagi tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagian daripada satu meter persegi yang lebih daripada ruangan itu.	5	00
(iii) Iklan kecil tidak lebih daripada satu meter persegi besarnya yang dicadang hendak dipamerkan lebih daripada satu iklan yang berkebetuk sama:		
Tidak lebih daripada 100 bilangannya	6	00 tiap satu
Lebih daripada 100 tetapi tidak lebih daripada 500	4	00 tiap satu
Lebih daripada 500 tetapi tidak lebih daripada 1,000	3	00 tiap satu
Lebih daripada 1,000	2	00 tiap satu
(iv) Iklan di atas papan yang menganjur keluar lebih daripada enam belas sentimeter dari bangunan, luas yang hendak diukur meliputi seluruh luas papantanda itu termasuk bingkai dan jika pertunjukan itu akan diadakan di kedua belah papan itu tiap-tiap satu muka iklan itu hendaklah diukur.		
(a) Tak bersinar -luas yang tidak lebih daripada dua meter persegi bagi satu tanda	10	00
(b) Tak bersinar - bagi tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagian daripada satu meter persegi yang lebih daripada dua meter persegi	5	00
(c) Bersinar - Bagi satu meter persegi atau sebahagian daripada satu meter persegi	10	00
(v) Tanda di bumbung: Lesen-lesen untuk tanda di bumbung diukur meliputi luas ruangan yang digunakan untuk pertunjukan tanda di bumbung.		

Jenis iklan:		
(a) Bagi satu helai tidak lebih sembilan meter persegi	10	00
(b) Tambahan kepada tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagian daripadanya	1	00
(vi) Jika sokong permukaannya lebih daripada ruangan yang digunakan untuk pertunjukan iklan, bagi tiap-tiap meter persegi atau sebahagian daripada satu meter persegi yang lebih daripada ruangan itu	8	00
(vii) Iklan di dalam Taman Hiburan	Sesuku (1/4) daripada mana-mana bayaran yang kena dibayar di bawah perenggan (i)	
(viii) Poster yang ditunjukkan di atas tiang poster bagi satu meter persegi sebulan	1	00



15.3 Kadar Bayaran Fi Lesen Mengikut Aktiviti Perniagaan

Jadual Kedua
[perenggan 3(2)]

NO	JENIS TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN YANG DIJALANKAN DI DALAM PREMIS	FI LESEN
A. ALATAN RUMAHTANGGA, ALATAN PEJABAT DAN PERKAKAS BAHAGIAN I		
1.	Menyimpan atau menjual alat solek atau alat keperluan bersuci:	
	(a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps	RM 200.00
	(b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps	RM 350.00
	(c) Keluasan lantai melebihi 280 mps	RM 450.00
2.	Menyimpan atau menjual perhiasan atau dandanan diri:	
	(a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps	RM 200.00
	(b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps	RM 350.00
	(c) Keluasan lantai melebihi 280 mps	RM 450.00
3.	Menjual suratkhobar, majalah, buku atau alatulis:	
	(a) Kiosk	RM 80.00
	(b) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps	RM 200.00
	(c) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps	RM 350.00
	(d) Keluasan lantai melebihi 280 mps	RM 450.00
4.	Menyimpan atau menjual peralatan kelengkapan rumahtangga:	
	(a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps	RM 200.00
	(b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps	RM 350.00
	(c) Keluasan lantai melebihi 280 mps	RM 450.00
5.	Menyimpan atau menjual kelengkapan perabot:	
	(a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps	RM 200.00
	(b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps	RM 350.00
	(c) Keluasan melebihi 280 mps	RM 450.00
6.	Menyimpan atau menjual kelengkapan pejabat:	
	(a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps	RM 200.00
